

BAB KEEMPAT

BAB KEEMPAT

BAHAYA DADAH DAN

KESALAHAN-KESALAHAN YANG BERKAITAN

4.1 PENDAHULUAN

Penyalahgunaan dadah telah menjadi satu masalah sejagat kerana ia menimbulkan ancaman yang hebat kepada keamanan, pertumbuhan ekonomi dan keselamatan sesebuah negara. Sebahagian besar negara-negara di rantau Asia Tenggara telah mula menganggap dadah sebagai musuh utama negara dan bukan lagi hanya satu masalah sosial. Di Malaysia, penyalahgunaan dan pengedaran dadah mula meruncing di sekitar tahun 1970an iaitu apabila jumlah penagih berdaftar di kalangan belia meningkat dengan ketaranya. Kesan negatif yang timbul akibat daripada penagihan dadah bukan sahaja kepada individu terbabit tetapi turut melibatkan keluarga, masyarakat dan negara. Untuk melihat sejauhmana keburukan dadah, maka penulisan dalam bab ini akan mengupas mengenai perkara yang berkaitan dengan tahap kemerbahayaan dadah dari segi kesihatan, kesan penyalahgunaannya terhadap masyarakat dan negara dan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh penagih dan juga pengedar. Dalam menghuraikan penerangan di atas, perkara yang akan ditekankan ialah bahawa setiap permasalahan yang berkaitan dengan dadah adalah berpunca daripada kegiatan yang dilakukan oleh pihak pengedar. Justeru itu, adalah diharapkan hasil daripada perbincangan ini, satu

landasan hukum dapat diketengahkan untuk menjatuhkan hukuman yang sesuai ke atas pengedar dadah menurut siasah syar'iiyyah. Dalam bab ini, penguatkuasaan hukuman gantung terhadap pengedar dadah di Malaysia juga akan diketengahkan, tetapi ia sebagai satu contoh sahaja. Justeru itu penekanan tidak akan diberikan kepada perkara tersebut secara terperinci.

4.2 KESALAHAN MENGEDAR DADAH

4.2.1 Definisi dadah

Dadah adalah sejenis bahan kimia yang didapati sama ada dalam bentuk asli ataupun tiruan. Sumber asasnya adalah tumbuh-tumbuhan yang diperolehi melalui pemprosesan daun, getah ataupun pokok. Antara kesan buruk dadah ialah, ia boleh mengubah fungsi badan serta anggota saraf dan kebiasaannya ia diambil sama ada secara diminum, ditelan, dihisap ataupun disuntik¹. Dalam bidang perubatan, dadah ditakrifkan sebagai bahan kimia ataupun racun yang digunakan bagi menentukan jenis-jenis penyakit, mengubat ataupun melindungi diri daripada penyakit². Menurut Stedmens pula, dadah adalah sejenis agen therapeutic yang digunakan untuk menentukan jenis-jenis penyakit dan merawat ataupun mengubat penyakit yang menimpa manusia dan haiwan³.

Berdasarkan kepada definisi di atas, ianya boleh disimpulkan bahawa dadah adalah sejenis bahan kimia yang boleh merosakkan tubuh badan sama ada dari segi

mental ataupun fizikal namun jika ia diambil dalam dos-dos yang tertentu mengikut nasihat doktor ia boleh mengubat pelbagai bentuk penyakit.

4.2.2 Definisi penyalahgunaan dadah

Penyalahgunaan dadah boleh ditakrifkan sebagai penggunaan dadah yang kerap dan berlebihan tanpa mendapat arahan ataupun nasihat daripada pakar perubatan di mana ia sudah menjadi satu ketagihan yang boleh mendatangkan risiko yang berbahaya kepada tubuh badan⁴. Aktiviti-aktiviti lain yang termasuk dalam kategori penyalahgunaan dadah adalah seperti menjual, mengedar, memiliki dan menyimpan dadah tanpa mempunyai lesen kebenaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan ataupun bertentangan dengan Akta Dadah Berbahaya 1952⁵.

4.2.3 Kesalahan mengedar dadah


Akta Dadah Berbahaya 1952 mentafsirkan aktiviti ‘pengedaran dadah’ adalah termasuk melakukan salah satu daripada perbuatan-perbuatan ini, iaitu mengilang, mengimport, mengeksport, menyimpan, menyorok, menjual, membeli, menerima, menyetor, mengendalikan, mengangkut, membawa, menghantar, mengirim, berusaha mendapatkannya, membekal atau mengedar sesuatu dadah berbahaya⁶.

Berdasarkan kepada Seksyen 37 (da) Akta Dadah Berbahaya 1952, seseorang itu dianggap sebagai pengedar dadah apabila didapati memiliki jumlah dadah yang tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta terbabit, contohnya memiliki 15 gram atau lebih berat heroin, morfin atau monoasetilmorfin. Sesiapa yang memiliki jumlah dadah tersebut, mereka dianggap sebagai pengedar dan jika sabit kesalahan hendaklah dijatuhkan hukuman mati mandatori⁷.

4.3 PERMASALAHAN DADAH DI MALAYSIA


Tajuk seterusnya akan membincangkan tentang permasalahan dadah di Malaysia dengan menganalisa beberapa fakta yang penting seperti bilangan penagih dadah mengikut jenis dadah, umur, bangsa, pekerjaan dan tahap pendidikan. Melalui analisa ini nanti, diharapkan tahap pembabitan masyarakat di Malaysia dengan masalah dadah dapat dinilai.

Graf 3.1 - Bilangan penagih mengikut tahun dan jenis dadah⁸.




Sumber: Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri

Graf 3.2 - Bilangan penagih mengikut tahun dan umur⁹.




Sumber: Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri

Graf 3.3 - Bilangan penagih mengikut tahun dan kelulusan¹⁰




Sumber: Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri.

Graf 3.4 - Bilangan penagih mengikut tahun dan bangsa ¹¹.



Sumber: Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri.

Graf 3.5 - Bilangan penagih mengikut tahun dan pekerjaan¹².



Sumber: Agensi Dadah Kebangsaan Dalam Negeri.

Graf 3.1 menerangkan jenis-jenis dadah yang digunakan oleh penagih. Ia menunjukkan bahawa heroin iaitu dadah yang paling merbahaya, merupakan dadah yang amat digemari oleh para penagih di negara ini. Selain itu, ia juga menunjukkan tentang peningkatan jumlah penagih dari setahun ke setahun. Sementara graf 3.2 menunjukkan bilangan penagih mengikut umur dan daripada graf tersebut, ia menjelaskan bahawa kebanyakan penagih adalah dari kalangan remaja yang berumur

- *Pergantungan secara fizikal*, adalah suatu keadaan di mana badan penagih memerlukan dadah untuk proses fisiologi yang biasa dan jika penggunaan dadah dihentikan, penagih akan mengalami gejala ‘tarikan’ iaitu tanda-tanda yang ditunjukkan dari segi tingkah laku dan fizikal penagih ketika tidak menggunakan dadah dalam tempoh tertentu seperti sakit perut, muntah-muntah, cirit birit, menggeletar dan sebagainya.
- *Pergantungan secara psikologikal*, merupakan satu keadaan di mana penagih mengalami gangguan untuk menggunakan dadah supaya dapat mencapai ketenangan jiwa dan keseronokan

Dadah terdapat dalam berbagai bentuk, jenis dan warna. Secara umumnya ia dibahagikan kepada lima kumpulan yang besar iaitu kanabis, depresen, halusinogen, stimulan dan narkotik. Jadual 3.1 akan menyenaraikan tentang jenis-jenis dadah serta kesan-kesannya ke atas penagih¹⁴:

JADUAL 3.1: Jenis-jenis dadah, cara penggunaan dan kesannya ke atas penagih¹⁵

JENIS DADAH DAN PENERANGANNYA	CARA PENGGUNAAN DAN KESANNYA KE ATAS PENAGIH
1. Candu -Dalam bahasa Inggeris ianya dikenali sebagai opium. Candu diperolehi daripada buah popi muda yang mempunyai bentuk seperti susu kering, bau seperti tar dan mempunyai rasa yang pahit. Sekiranya getah candu di masak ianya dikenali sebagai candu masak¹⁶. Di antara bahan narkotik yang terdapat dalam candu adalah heroin, morfin dan kodein. Candu juga merupakan jenis	-Ia diambil secara menghisap dengan menggunakan paip, memakan²⁸ dan menghidu dengan menggunakan kaedah yang dikenali sebagai ‘Chasing the Dragon’²⁹. -Antara kesannya ialah³⁰: i) Fikiran tidak menentu, sering khayal, kerosakan pada anggota badan seperti mata hitam mengecil, hidung berair, rasa mual, hilang selera makan dan tidak boleh tidur. ii) Mengalami ‘pergantungan fizikal’ iaitu jika cuba berhenti dia akan mengalami tanda-tanda ‘pengunduran’ (withdrawal symptom) seperti rasa resah, gelisah, cemas, berpeluh secara berlebihan, menggeletar dan cirit birit.

dadah yang tertua dan paling awal digunakan di negara ini. Ia merupakan dadah yang termasuk dalam jenis Opiat. 2. Ganja/Marijuana -Ganja dihasilkan daripada pokok kanabis dan ia adalah sejenis dadah yang paling banyak disalahgunakan di seluruh dunia. Ia banyak ditanam di Asia, Mexico, Afrika dan Timur Tengah. Daun ganja yang kering kelihatan seakan-akan tembakau¹⁷ dan perbezaannya, daun ganja berwarna hijau pucat	iii) Mengasingkan diri dari keluarga dan mengabaikan kesihatan. iv) Penggunaan dos yang berlebihan boleh membawa kepada kematian. -Penggunaannya adalah secara dihisap dan dimakan³¹. -Antara kesannya ialah: i) Dari sudut psikologi, penagih suka berkhayal, banyak bercakap, ketawa, senang hati³², merasakan waktu berjalan lambat, cepat cemas dan kecewa³³. ii) Dari aspek fizikal, mata penagih menjadi merah, peningkatan kadar degupan jantung, tidak dapat membuat pertimbangan diri dan amat merbahaya ketika memandu serta mengalami
---	---

manakala daun tembakau berwarna coklat¹⁸.	gangguan terhadap deria sentuh, rasa, pendengaran dan penglihatan³⁴. iii) Risiko mendapat penyakit kronik seperti bronchitis, batuk, sakit dada, kerosakan otak dan kelemahan organ seks³⁵. iv) Mengalami simptom pengunduran jika cuba berhenti seperti sakit badan, cirit birit, sakit otot dan pening³⁶.
3. Heroin -Heroin merupakan sejenis bahan kimia yang aktif dalam candu (opium)¹⁹. Ia adalah sejenis hablur yang berwarna perang dan putih kekuningan dan berbentuk seakan-akan tepung. Memandangkan kesannya	-Ia diambil secara menghidu, menyuntik dan kaedah yang dikenali sebagai 'Chasing the Dragon'. -Antara kesannya ialah³⁷: i) Rasa khayal, berpeluh, letih, mengantuk, hilang selera makan dan mengalami kekejangan sehingga boleh membawa maut.

begitu kuat, penggunaan heroin diharamkan dalam bidang perubatan.	ii) Mengalami tanda-tanda 'pengunduran' jika cuba berhenti seperti sakit badan, sakit perut, mata berair, muntah, hidung berhingus, cirit birit dan peningkatan denyutan jantung. iii) Risiko jangkitan penyakit seperti AIDS, hepatitis, kencing gigi dan keracunan darah kerana perkongsian jarum³⁸. iv) Wanita mengandung yang menagih heroin akan menderita akibat kekurangan darah, kencing manis, demam paru-paru dan keguguran. Bayi yang dilahirkan juga kebiasaannya menderita kerana gejala tarikan ataupun mati selepas dilahirkan³⁹.
4. Morfin -Morfin adalah sejenis bahan kimia yang terdapat di dalam cecair candu	-Ia diambil secara suntikan dan kadangkala ditelan dalam bentuk pil ataupun kapsul. -Antara kesan morfin ke atas penagih ialah:

(opium). Ia diperoleh dalam bentuk ketulan, debu, kapsul ataupun pil. Morfin kebiasaannya berwarna perang ataupun putih kelabu. Ia merupakan sejenis dadah yang merbahaya dan kesannya adalah lapan kali lebih kuat daripada candu²⁰.	i) Mengalami tanda-tanda pengunduran jika cuba berhenti daripada menagih dadah seperti perasaan keluh kesah, sakit belakang, cemas, muntah-muntah, susah hendak tidur, berpeluh, panas seluruh badan dan hilang selera makan⁴⁰. ii) Penagih berada dalam keadaan khayal, mengalami sakit di bahagian hati, kencing tidak lawas dan perjalanan darah terganggu.⁴¹ iii) Perkongsian jarum menyebabkan timbul penyakit yang serius seperti AIDS, kancing gigi, sakit kuning dan keracunan darah⁴². iv) Pengambilannya juga boleh menyebabkan penagih merasa sugul, sedih, susah hati, malas dan pemarah.
5. Kokain -Kokain diperoleh dari pokok koka dan memberi	-Ia selalunya diambil secara menghidu, menghisap dan kadangkala dicampur dengan heroin kemudian

kesan negatif yang tinggi terhadap pengguna²¹. Ia merupakan dadah dari jenis perangsang dan didapati dalam bentuk serbuk hablur putih serta tidak mempunyai bau.	disuntik ke dalam pembuluh darah. -Antara implikasinya terhadap penagih ialah⁴³: i) Penagih mempunyai kesedaran dan keyakinan yang tinggi, menambahkan ketahanan fizikal dan mampu menahan lapar sebab itu ia sangat digemari. ii) Mengalami halusinasi iaitu melihat objek atau benda yang tidak wujud. iii) Jika sampai ke tahap penagihan, mereka akan menjadi bingung, fikiran tidak menentu, paranoid dan sugul. iv) Mengalami tanda-tanda pengunduran jika cuba berhenti seperti letih, lapar, tidak lena tidur, tekanan dan mendorong mereka untuk menagih semula. v) Jika digunakan dengan dos yang terlalu tinggi, ia boleh membawa maut.
--	---

6. Amphetamines -Amphetamines adalah sejenis dadah yang didapati dalam bentuk kapsul tablet dan cecair. Ia digemari oleh ahli sukan dan para pelajar kerana mampu menahan rasa mengantuk, lemah, meningkatkan konsentaras dan mampu menghilangkan selera makan. Ia termasuk dalam jenis dadah perangsang (stimulan)²².	-Ia diambil secara diminum ataupun ditelan. -Antaran kesannya ke atas penagih ialah⁴⁴: i) Rasa bimbang, tertekan, ganas, resah dan cemas. ii) Penagih boleh mengidap berbagai jenis penyakit kronik seperti demam paru-paru, sakit jantung, darah tinggi, kerosakan otak yang berkekalan, pengsan dan jika diambil berlebihan ia boleh membawa kematian.
7. Barbiturets -Barbiturets adalah dadah dari jenis depresen dan merupakan ubat tidur. Ia boleh diperolehi dalam	-Ia diambil dengan memakan. -Kesannya terhadap penagih adalah seperti berikut⁴⁵: i) Berada dalam keadaan mabuk, berperangai

bentuk kapsul pil ataupun tepung²³. Ia digunakan dalam perubatan sebagai ubat penenang dan pelali. Fungsinya adalah untuk melemahkan otak, sistem pernafasan dan sebahagian besar sistem saraf²⁴.	seperti kanak-kanak, selalu letih, muntah-muntah, hilang pertimbangan, rasa sedih, mengantuk, fikiran tidak menentu dan boleh membawa kepada kemalangan jiwa.
8. Lysergic Acid Diethylamidi (LSD). -LSD merupakan dadah dari kumpulan halusinogen. Ia tidak berwarna, tidak berbau dan tidak mempunyai rasa.	ii) Pengambilan dos yang berlebihan boleh membawa kematian dan tidak sedarkan diri. iii) Mengalami tanda-tanda pengunduran jika cuba berhenti seperti menggeletar, tidak boleh tidur, sakit-sakit badan, penglihatan terganggu, emosi tertekan, suhu badan meningkat, sawan dan boleh membawa maut. -Ia digunakan secara suntikan. - Antara kesan LSD ialah⁴⁶: i) Anak mata membesar, tekanan darah meningkat, pencerapan deria yang

LSD biasanya diperoleh dalam bentuk cecair, serbuk²⁵ ataupun dengan dititik ke atas kertas dadu, gelatin dan kertas resap²⁶.	berubah (rasa, pegang, warna ataupun bunyi). ii) Mengalami halusinasi yang serius iaitu melihat ataupun mendengar sesuatu yang tidak wujud seperti bangunan yang tinggi dirasakan rendah dan merasakan diri seolah-olah boleh terbang. Mengalami halusinasi yang menakutkan sehingga menyebabkan rasa takut, cemas dan resah. Namun begitu penagih tidak mengalami ketagihan. iii) Memberi kesan terhadap emosi dan perasaan seperti gembira yang tidak menentu dan duka berpanjangan. Turut mengidap sakit otak.
9. Tranquilizer -Tranquilizer merupakan dadah dari jenis	-Antara kesannya ialah: i) Rasa sedih, kebingungan, mengantuk, sakit

“Benzodiazepine” yang pertama kalinya digunakan di Amerika Syarikat pada tahun 1957 dengan nama “Chlodiazepoxide”. Secara klinikal “Chlodiazepoxide” digunakan untuk merawat penyakit sawan dalam dos-dos yang tertentu²⁷.	kepada dan menyebabkan penglihatan berbalam⁴⁷. ii) Mengalami gejala tarikan jika cuba berhenti seperti tidak boleh tidur, muntah-muntah, suhu badan naik, letih dan tekanan darah rendah. Kekerapan gejala terbabit boleh menyebabkan kematian⁴⁸. iii) Pengambilan dos yang berlebihan menyebabkan penagih tidak sedarkan diri dan hilang daya refleks⁴⁹.
--	---

Sumber: Abdul Ghafar Taib, (1992), *Dadah Pembunuh*, Kuala Lumpur: Penerbitan Delmu; Mohd. Reduan Aslie, (1990), *Krisis Dadah*, Kuala Lumpur: Zafar Sdn. Bhd; Richard J. Wagman, (t.t), *The New Complete Medical Health Enyclopedia*, Vol. 3, New York: Lexington Publication; *Kenali Dan Perangi Dadah Hidup Ceria Tanpa Dadah*, (1997), Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, Petaling Jaya: Solai Sdn. Bhd.

Daripada perbincangan di atas, secara keseluruhan boleh dirumuskan bahawa individu yang menagih dadah kebiasaannya tidak akan dapat mengalami kehidupan yang normal, mengidap berbagai jenis penyakit dan mengalami komplikasi terhadap tubuh badan yang mana dalam keadaan tertentu ia boleh membawa kepada kematian.

4.4.2 Kesan terhadap negara

Secara umumnya kesan dadah boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu;

- a. Kesan terhadap keselamatan negara
- b. Kesan terhadap ekonomi negara

a. Kesan terhadap keselamatan negara

i) Penagihan dadah terutamanya di kalangan para belia boleh melemahkan sesebuah negara kerana golongan ini adalah terdiri daripada tenaga kerja yang penting terutamanya dalam sektor perkhidmatan yang berkaitan dengan keselamatan sesebuah negara. Dadah juga boleh melemahkan kekuatan fizikal dan mental sesebuah pasukan keselamatan negara. Contohnya, kekalahan tentera Amerika di tangan tentera Vietcong di Vietnam kerana kadar penagihan yang tinggi di kalangan tentera Amerika⁵⁰. Sejarah juga telah menunjukkan bahawa kekalahan Dinasti Ming yang memerintah China di tangan puak Manchu pada ketika itu kerana kelemahan benteng pertahanan rakyat China akibat daripada ketagihan dadah⁵¹.

ii) Bagi negara yang mempunyai masyarakat majmuk seperti Malaysia, kemantapan sosio-politiknya amat bergantung kepada keupayaan masyarakat untuk hidup harmoni dan saling bersefahaman di antara satu sama lain. Namun begitu keharmoniaannya boleh tergugat sekiranya timbul satu keadaan di mana pengedar

dadah terdiri dari kaum lain sementara penagihnya adalah kaum yang lain. Fenomena ini boleh menimbulkan perasaan curiga di antara satu kaum dengan kaum yang lain sehingga boleh membawa permusuhan.

iii) Di samping itu, ketidakmampuan para penagih untuk berusaha sendiri bagi mendapatkan dadah telah mendorong mereka untuk mendapatkan wang melalui cara yang bertentangan dengan etika keselamatan negara seperti melakukan jenayah mencuri, merompak, pecah rumah, membunuh dan sebagainya. Hasilnya kehidupan masyarakat tidak lagi tenteram kerana mereka menjadi sasaran jenayah golongan penagih. Menurut pandangan Mohd Reduan Aslie⁵², anggaran yang dibuat oleh Jabatan Penjara Malaysia menunjukkan bahawa 40% (iaitu lebih kurang 6000 orang) dari jumlah banduan yang berada di penjara Malaysia adalah terdiri daripada mereka yang terlibat dengan kegiatan dadah. Ini menunjukkan bahawa wujudnya pertalian yang rapat di antara dadah dengan kegiatan jenayah. Keterangan lanjut mengenai jenayah yang dilakukan oleh para penagih dan pengedar akan diperbincangkan dalam tajuk yang seterusnya.

iv) Kekuatan dan keselamatan sesebuah negara amat bergantung kepada mutu penglibatan rakyat terutamanya para belia dalam pembangunan negara. Jika dilihat daripada graf 3.2, statistik menunjukkan bahawa mereka yang terlibat dengan dadah adalah terdiri daripada golongan yang berumur dalam lingkungan 20 tahun dan ke atas dan kebanyakan mereka lebih cenderung untuk menggunakan dadah yang

merbahaya seperti heroin, morfin, ganja dan juga candu⁵³. Kesan daripada penagihan tersebut menyebabkan mereka tidak berupaya memberikan sumbangan yang berfaedah untuk mewujudkan negara yang kuat, bermaruah, dihormati dan disegani.

b. Kesan terhadap ekonomi negara

Negara akan menanggung kos yang tinggi akibat daripada masalah dadah. Tanggungan kos terbabit boleh dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu⁵⁴;

i) *Kos nyata*. Ini termasuklah:

- Kekurangan dan kerugian akibat pengurangan daya pengeluaran ekonomi.
- Kos bagi menyediakan kemudahan tempat rawatan dan pemulihan penagih.
- Kos bagi menyelenggara program dan seminar pencegahan.
- Kos kerugian akibat daripada aktiviti jenayah dadah.
- Kos bagi meneruskan kegiatan penguatkuasaan seperti menambahkan bilangan anggota polis, kakitangan jabatan penjara, penjara, mahkamah, hospital, makanan dan perubatan.

ii) *Kos yang tidak nyata*. Ianya agak sukar untuk dianggarkan dengan tepat dan antaranya ialah:

- Ketakutan dan kekecewaan yang dialami oleh masyarakat yang menjadi mangsa jenayah penagih dan pengedar dadah⁵⁵.

- Penagih tidak dapat memberi sumbangan perkhidmatan kerana tidak bekerja, malas, sakit dan kematian⁵⁶.
- Pengangguran⁵⁷.

4.4.3 Kesan terhadap masyarakat⁵⁸

Di antara kesan permasalahan dadah terhadap masyarakat ialah:

- a. Suasana hidup dalam masyarakat tidak tenteram kerana timbul berbagai bentuk jenayah seperti mencuri, merompak dan pecah rumah. Hubungkait di antara dadah dengan aktiviti-aktiviti jenayah akan diterangkan dalam bahagian 3.5.
- b. Perpecahan dan kemunduran dalam masyarakat berlaku akibat penglibatan anak-anak muda dengan dadah. Ini adalah kerana mereka tidak lagi berminat untuk memajukan diri ke tahap yang lebih tinggi seperti menuntut ilmu dan melakukan kerja-kerja kebajikan dalam masyarakat.
- c. Permusuhan antara kaum berlaku sekiranya terdapat kaum yang tertentu terlibat secara aktif dalam kegiatan penjualan dan pengedaran dadah manakala kaum yang lain pula menjadi penagihnya.

4.4.4 Kesan terhadap keluarga

Di antara permasalahan yang timbul akibat daripada penyalahgunaan dadah terhadap keluarga adalah seperti berikut⁵⁹:

- a. Rumah tangga menjadi porak poranda dan berlaku keretakan perhubungan di antara ahli keluarga. Ini mungkin disebabkan sebahagian besar sumber kewangan keluarga dibelanjakan untuk membeli dadah.
- b. Kehilangan harta benda.
- c. Menjatuhkan dan mencemarkan maruah keluarga.
- d. Menghancurkan harapan ibu bapa untuk melihat kejayaan anak-anak.

Berdasarkan kepada penerangan dalam jadual 3.1 diatas, didapati setiap dadah boleh memberi kesan yang cukup merbahaya ke atas diri penagih. Penagih bukan sahaja tidak mampu memberi sumbangan kepada masyarakat malah turut menghadapi pelbagai risiko yang boleh mengancam nyawa sendiri. Justeru itu, adalah wajar hukuman yang setimpal dijatuhkan ke atas pengedar dadah kerana merekalah yang menjadi salah satu punca kerosakan manusia, kehancuran sesebuah keluarga, masyarakat dan negara.

4.5 JENAYAH BERKAITAN DENGAN DADAH

Persoalan pokok yang berkaitan dengan permasalahan dadah adalah jenayah yang timbul hasil daripada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengannya. Secara amnya, jenayah dadah boleh dipecahkan kepada dua bahagian iaitu jenayah yang berkaitan dengan aktiviti penagihan dan jenayah yang melibatkan aktiviti pengedaran dadah. Kegiatan jenayah ini begitu berleluasa dan amat merbahaya kepada masyarakat serta boleh menggugat keamanan negara. Ini boleh dilihat daripada pernyataan yang dikeluarkan oleh Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, yang menegaskan bahawa hampir 60 % banduan yang terdapat dalam penjara di negara ini adalah terdiri daripada mereka yang terlibat dengan aktiviti dadah. Walau bagaimanapun data yang lebih terperinci mengenai bentuk jenayah yang dilakukan oleh penagih dan pengedar dadah di Malaysia adalah amat sukar untuk diperolehi daripada pihak Jabatan Penjara atas alasan-alasan yang tertentu, iaitu mengelakkan daripada berlakunya pengeksploitasian oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Justeru itu dalam tajuk yang seterusnya, data tentang peratusan dan bentuk jenayah yang dilakukan oleh penagih dan pengedar tidak akan difokuskan di Malaysia tetapi akan diambil daripada sumber yang berlaku di negara-negara luar seperti Amerika Syarikat.

4.5.1 Jenayah penagih dadah

Menurut ahli pakar jenayah, peningkatan jenayah di Amerika Syarikat bermula pada era penagihan heroin, kokain dan morfin. Memandangkan dadah mempunyai kesan ketagihan yang tinggi, maka untuk memenuhi kehendak berkenaan, para penagih akan melakukan berbagai cara bagi mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi untuk membeli dadah. Kebiasaannya jenayah yang melibatkan penagih lelaki adalah lebih bersifat ganas dan merbahaya jika dibandingkan dengan penagih wanita. Di antara bentuk kegiatan yang sering dilakukan oleh seorang penagih lelaki boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu;

- a. Jenayah yang tidak bermangsa.
- b. Jenayah yang bermangsa.

a. Jenayah yang tidak bermangsa⁶⁰

Bentuk-bentuk jenayah dalam kategori ini adalah seperti aktiviti yang berkaitan dengan penjualan dadah iaitu dengan bertindak sebagai juru jual, pemegang dadah (stokist), penyebar maklumat atau mengiklankan dadah kepada sesiapa yang berminat, pembeli dadah untuk pihak ketiga, penyedia peralatan untuk menggunakan dadah serta tempat untuk penagih dan menjadi penilai terhadap mutu dadah⁶¹. Selain daripada terlibat dengan aktiviti dadah, penagih juga menjadi orang

tengah untuk kegiatan haram yang lain seperti mencari pembeli untuk barang-barang curi dan sebagai pengawal di pusat pelacuran dan hiburan⁶².

Walaupun jenayah tersebut hanyalah melibatkan diri penagih sahaja, namun kegiatan berkenaan boleh mendedahkan orang ramai terutamanya para belia untuk jatuh ke kancah penagihan.

b. Jenayah yang bermangsa

Setiap jenis dadah mempunyai kesan yang berbeza ke atas penagih di mana ada sesetengah dadah membolehkan penagih bertahan beberapa lama untuk tidak mendapatkannya, sementara jenis yang lain pula akan memaksa penagih untuk terus menggunakannya. Sekiranya dadah berkenaan lambat diambil, penagih akan mengalami berbagai bentuk gejala yang tidak sihat seperti simptom 'pengunduran'. Dadah yang termasuk dalam kategori ini antaranya ialah heroin, morfin dan candu. Memandangkan kesan dadah tersebut begitu serius, para penagih akan melakukan berbagai bentuk jenayah demi untuk mendapatkan wang. Jadual di bawah menunjukkan jenis jenayah bermangsa yang dilakukan oleh penagih serta perbezaan jumlah peratus di antara jenayah yang dilakukan oleh penagih dadah dengan penjenayah yang bukan penagih⁶³.

JADUAL 3.2: Jenis dan peratusan jenayah yang dilakukan oleh penagih dan bukan penagih⁶⁴

JENIS JENAYAH	PERATUSAN PENAGIH YANG MELAKUKAN JENAYAH	PERATUSAN BUKAN PENAGIH YANG MELAKUKAN JENAYAH
1. Pecah rumah	26.3 %	24.6 %
2. Mencuri di kedai	37.9 %	11.5 %
3. Pemalsuan	14.7 %	1.6 %
4. Mencuri peralatan kereta	40.0 %	16.4 %
5. Mencuri kereta	15.8 %	14.8 %
6. Seluk saku	3.2 %	-
7. Penipuan	12.6 %	3.3 %
8. Membakar harta benda	4.2 %	-
9. Mengugut	3.2 %	-
10. Kegiatan mencuri oleh pelacur	9.5 %	-
11. Mengawal barang curi	39.0 %	19.7 %
12. Lain-lain bentuk kecurian	21.1 %	6.6 %

13. Menyerang / merompak	12.6 %	23.0 %
14. Rompakan bersenjata	29.5 %	19.7 %
15. Perjudian	5.3 %	3.3 %
16. Pelacuran wanita	85.7 %	33.3 %

Sumber: Carl D. Chambers, Saraw, Dean and Micheal F. Fletcher, (1990), "*Criminal Involvement of Minority Group Addicts*" dalam *The Drugs-Crime Connection* , James A. Inciardi (ed), London: Sage Publication.

Keputusan jadual di atas menunjukkan bahawa kadar jenayah yang dilakukan oleh penagih lebih tinggi berbanding dengan kadar jenayah yang dilakukan oleh golongan bukan penagih, terutamanya jenayah seperti mencuri, mengambil barang curi, rompakan bersenjata, mencuri peralatan kereta serta pelacuran bagi penagih wanita.

Daripada analisa yang dilakukan oleh pakar jenayah Barat, penagih wanita kebanyakannya terlibat dengan jenayah tidak bersifat agresif seperti pelacuran dan mencuri di kedai-kedai. Bentuk-bentuk kegiatan jenayah yang dilakukan oleh mereka adalah seperti berikut⁶⁵.

JADUAL 3.3: Bentuk dan peratusan jenayah yang dilakukan oleh penagih wanita⁶⁶

BENTUK JENAYAH	PERATUSAN JENAYAH
1. Mencuri	1.5 %
2. Menyerang	<0.1 %
3. Pecah rumah	0.3 %
4. Mencuri kereta	<0.1 %
5. Mencuri peralatan kereta	0.6 %
6. Mencuri dari kedai	10.4 %
7. Seluk saku	2.9 %
8. Lain-lain bentuk kecurian	1.4 %
9. Pemalsuan	1.3 %
10. Penipuan	0.5 %
11. Menjual barang curi	2.6 %
12. Pelacuran	52.7 %
13. Menjual dadah	15.9 %
14. Merosakan harta benda awam	<0.1 %
15. Perjudian	2.2 %

Sumber: Carl D. Chambers, Saraw, Dean and Micheal F. Fletcher, (1990), "*Criminal Involvement of Minority Group Addicts*" dalam *The Drugs-Crime Connection* James A. Inciardi (ed), London: Sage Publication.

Berdasarkan kedua-dua carta di atas, didapati penagih lelaki lebih cenderung untuk melakukan jenayah-jenayah yang ganas dan berisiko tinggi seperti merompak, mencuri, pecah rumah dan menjual barang-barang yang dicuri, sedangkan penagih wanita lebih ramai melibatkan diri dalam aktiviti pelacuran. Walaupun ada di antara mereka terlibat dengan kegiatan mencuri, merompak, pecah rumah dan kegiatan-kegiatan jenayah yang lain tetapi ianya tidak seberapa berbanding dengan penglibatan mereka dalam pelacuran. Sebahagian besar daripada penagih, terutamanya penagih lelaki akan menggunakan senjata api seperti pistol ketika melakukan rompakan di mana ianya bertujuan untuk mengugut dan menakutkan orang ramai supaya tidak membantah dan mengikut kehendak mereka⁶⁷.

4.5.2 Jenayah pengedar dadah

Aktiviti pengedaran dan penjualan dadah adalah lebih berbahaya berbanding dengan jenayah yang dilakukan oleh penagih dadah. Ini adalah kerana ia melibatkan penjualan 'benda' yang diharamkan oleh kerajaan dan setiap permasalahan yang

timbul daripada transaksi dadah tidak boleh dirujuk kepada pihak berkuasa⁶⁸. Oleh itu untuk melancarkan kegiatan mereka, pihak pengedar biasanya akan mengambil beberapa langkah, antaranya ialah:

- a. Memilih individu yang mempunyai rekod jenayah yang tinggi di masa lampau, ganas, mempunyai fizikal yang kuat, berpersonaliti garang, agresif, tegas dan ganas. Kebiasaannya mereka adalah dari kategori penjenayah yang gemarkan keganasan⁶⁹.
- b. Memperuntukkan wang yang banyak untuk membeli senjata api yang terkini. Ia bertujuan untuk memberi amaran kepada penjual dadah kecil-kecilan supaya tidak melarikan dadah dan wang yang diperolehi, ataupun memberitahu pihak polis tentang kegiatan mereka. Jika peraturan terbabit dilanggar, individu berkenaan akan diseksa ataupun dibunuh⁷⁰.
- c. Menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu untuk menutup kegiatan mereka daripada terbongkar. Antaranya ialah seperti memberi wang dan 'pertolongan' kepada golongan yang berpendapatan rendah, penganggur, para ibu yang dalam kesusahan dan orang tua supaya mereka tidak membocorkan rahsia kegiatan mereka kepada pihak berwajib. Sekiranya cara berkenaan tidak berkesan, pengedar akan menggunakan kekerasan dan seksaan ke atas mana-mana individu yang cuba menghalang kegiatan mereka. Kesannya ialah masyarakat berada dalam ketakutan dan tidak berani untuk bersuara dan melaporkan kepada pihak berwajib. Kerjasama yang sederhana daripada

orang ramai menyebabkan pihak berkuasa tidak dapat menghapuskan kegiatan terbabit secara menyeluruh dan kadang-kadang ianya mengambil masa yang cukup lama untuk diselesaikan⁷¹.

Jenayah lain yang juga kerap kali berlaku dalam aktiviti pengedaran dadah ialah perbalahan di antara kumpulan pengedar. Permasalahan ini timbul apabila mereka terpaksa bersaing di antara satu sama lain untuk menjual dadah kepada pembeli. Untuk menjamin kawasan mereka tidak dicerobohi oleh pengedar yang lain, kekerasan dan pembunuhan akan dilakukan⁷². Ini boleh dilihat daripada apa yang berlaku di Amerika Syarikat, di mana pada tahun 1983 perangkaan dari Jabatan Polis di New York menunjukkan bahawa 40 % kes bunuh yang berlaku di sana adalah disebabkan aktiviti pengedaran dadah. Selain itu, pembunuhan juga seringkali berlaku kerana perebutan kawasan penjualan dadah yang strategik di antara kumpulan pengedaran dadah⁷³. Fenomena sedemikian amat merbahaya dan boleh menggugat keamanan serta keselamatan golongan masyarakat yang lain.

Permasalahan juga timbul di antara penjual dengan pembeli ketika mereka berurusan dalam hal jual beli dadah. Di sini golongan penjual meletakkan harga yang tinggi bagi dadah yang bermutu rendah sedangkan pihak pembeli hendak mendapatkan dadah yang berkualiti tinggi dengan harga yang paling murah. Kesannya ialah mereka tidak lagi saling percaya-mempercayai di antara satu sama lain. Situasi sebegini seringkali mengundang pergaduhan di antara penjual dan

pembeli dan ia semakin ketara apabila pembeli merasakan dirinya ditipu oleh pihak penjual, contohnya apabila mereka mendapati dadah yang dibeli sudah dicampur dengan bahan yang lain. Menurut kajian yang dilakukan oleh Mc Coy (1978) dua pertiga daripada kejadian pembunuhan yang berlaku di Florida adalah disebabkan oleh rasa tidak puas hati dalam urusan jual beli dadah di antara pembeli dan penjual⁷⁴.

Aktiviti pengedaran dan penjualan dadah selalunya akan menimbulkan rasa tidak percaya di antara satu sama lain. Sesetengah kumpulan akan melaporkan kepada pihak keselamatan tentang aktiviti kumpulan lain dan jalan penyelesaian terhadap masalah berkenaan adalah dengan melakukan pembunuhan ke atas pesaing dan pengintip. Keadaan ini secara tidak langsung akan menjadikan kawasan berkenaan sudah tidak selamat untuk didiami. Dari kaji selidik yang dilakukan oleh Mc Coy di New York, ia menunjukkan bahawa penduduk di sesebuah tempat akan berada dalam ketakutan dan bimbang sekiranya kegiatan pengedaran dan penjualan dadah berlaku di tempat mereka⁷⁵.

4.6 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG MENGENAI HUKUMAN MATI TERHADAP PENGEDAR DADAH⁷⁶

Hukuman ini berkuatkuasa di bawah Seksyen 39B (2) Akta Dadah Berbahaya 1952 di mana ianya berbunyi:

"Tiada sesiapa yang boleh, sama ada bagi pihak dirinya atau pihak orang lain, sama ada atau tidak orang tersebut di Malaysia:

- i. Mengedar dadah berbahaya.*
- ii. Menawarkan⁷⁷ untuk mengedar dadah berbahaya⁷⁸.*
- iii. Membuat atau menawar untuk membuat persiapan bagi tujuan mengedar dadah berbahaya.*


Sesiapa yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen (1) adalah melakukan kesalahan di bawah akta berkenaan dan hendaklah dihukum, jika disabitkan dengan hukuman mati"

4.6.1 Rasional hukuman mati mandatori⁷⁹

Kesan pengedaran dadah boleh mengakibatkan keruntuhan moral, kerosakan sosial dan seterusnya menjejaskan ekonomi negara. Oleh itu hukuman yang keras diperlukan untuk mengawal gejala dadah dari terus merebak dan mengancam keselamatan dan kestabilan negara. Prinsip pencegahan mesti diutamakan dan pihak pengedar sewajarnya menerima hukuman berat. Berdasarkan kepada jenayah-jenayah yang timbul dan kesan terhadap penagih, golongan pengedar dadah boleh disamakan seperti 'pembunuh'. Justeru itu, tidak ada hukuman yang paling keras dan rasional selain daripada hukuman mati terhadap mereka yang melakukan kesalahan terbabit.

Kesan daripada jenayah pengedaran dadah yang begitu merbahaya terhadap masyarakat dan negara, kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan yang keras terhadap mereka yang melakukan kesalahan terbabit. Graf 3.6 di bawah menunjukkan bilangan pengedar yang ditangkap di bawah seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya. Daripada keputusan tersebut, ia menunjukkan jumlah pengedar yang ditangkap pada setiap tahun ialah antara 1,000 hingga 2,000 iaitu satu jumlah yang agak ramai. Di samping itu terdapat peningkatan yang ketara di antara tahun 1995 hingga tahun 1997. Oleh itu dari satu perspektif, keberkesanan undang-undang tersebut boleh dipersoalkan. Walau bagaimanapun dengan melihat kesan buruk hasil daripada pengedaran dadah, maka undang-undang yang keras seperti di atas adalah perlu.

Graf 3.6 - Bilangan tangkapan di bawah seksyen 39B⁸⁰ Akta Dadah Berbahaya mengikut tahun⁸¹



Sumber: Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri

Hasil daripada perbincangan di atas didapati dadah merupakan bahan kimia yang amat berbahaya dan mampu memberi kesan mental dan fizikal yang cukup serius ke atas penagih. Sekiranya para penagih cuba berhenti, mereka akan mengalami pelbagai bentuk tekanan dan penyakit sehingga di suatu tahap ianya boleh membawa maut. Untuk mengelakkan daripada terjadi gejala sedemikian, para penagih akan melibatkan diri dengan jenayah untuk mendapatkan wang bagi membeli dadah. Di samping itu, golongan pengedar dadah juga turut terlibat dengan

jenayah yang merbahaya seperti peras ugut, kekerasan dan pembunuhan. Situasi sebegini secara tidak langsung menyebabkan keamanan masyarakat tergugat dan perkembangan negara terbantut. Jika diteliti, setiap rangkaian permasalahan yang timbul ini adalah berpunca daripada kegiatan pengedaran dan penjualan dadah yang dilakukan secara berleluasa. Memandangkan kegiatan berkenaan mampu mendatangkan permasalahan yang serius kepada penagih, masyarakat dan negara, maka adalah wajar hukuman yang keras dijatuhkan ke atas pengedar dadah kerana mereka adalah punca kepada berlakunya jenayah-jenayah yang lain.

NOTA HUJUNG

- ¹ Glenn D. Watson, (1994), *Drugs and Crime in Lifestyle Perspective*, London: Sage Publication, hlm. Viii; *Encyclopedia Americana*, (1970), Vol. 9, New York: Lexington Avenue, hlm. 404; Abdul Ghafar Taib, (1992), *Dadah Pembunuh*, Kuala Lumpur: Penerbitan Delmu, Jilid 2, hlm.1; Mohd. Reduan Aslie, (1990), *Krisis Dadah*, Kuala Lumpur: Zafar Sdn. Bhd, hlm. 8.
- ² Richard J. Wagman, (t.t), *The New Complete Medical Health Encyclopedia*, Vol. 3, New York: Lexington Publication, hlm. 1042.
- ³ Thomas Lathorp Stedmens, (2000), *Stedmens Medical Dictionary*, (Cetakan 27) Baltimore: William and Wilkins, hlm. 424.
- ⁴ Glenn D. Watson, *Op.Cit.*
- ⁵ *Akta Dadah Berbahaya, 1952 (Akta 234) & Peraturan-peraturan hingga 15hb Ogos 2000*, disusun oleh Lembaga Penyelidikan Undang-undang, Kuala Lumpur: International Law Book Sevicees, hlm. 4
- ⁶ *Ibid.*
- ⁷ *Ibid.* Keterangan lanjut mengenai jumlah dadah tersebut terdapat di lampiran C.
- ⁸ *Buletin Statistik Dadah*, (1998), Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, hlm. 32.
- ⁹ *Ibid*, hlm. 65.
- ¹⁰ *Ibid*, hlm. 57.
- ¹¹ *Ibid*, hlm. 81.
- ¹² *Ibid*, hlm. 40.
- ¹³ *Kenali Dan Perangi Dadah Hidup Ceria Tanpa Dadah*, (1997), Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, Petaling Jaya: Solai Sdn. Bhd, hlm. 17.
- ¹⁴ Abdul Ghafar Taib, *Op.Cit.*
- ¹⁵ *Ibid*, *Kenali Dan Perangi Dadah Hidup Ceria Tanpa Dadah*, (1997), Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, *Op.Cit.*, hlm. 18; Mohd. Reduan Aslie, *Op.Cit.*, Richard J. Wagman, *Op.Cit.*
- ¹⁶ Umamah al-Edrus, (1995), *Hidupku Tidak Sejernih Embun Tanpa Dadah, Tanpa Arak dan Tanpa Rokok*, Institut Perkembangan Minda, hlm. 10; Mohd. Reduan Aslie, *Ibid*, hlm. 111.
- ¹⁷ Umamah al-Edrus, *Ibid*; Abdul Ghafar Taib, *Op.Cit.*, hlm. 20; Mohd. Reduan Aslie, *Ibid*, hlm.111.
- ¹⁸ Abdul Hadi Haji Muhammad, (t.t), *Memerangi Wabak Dadah: Langkah-langkah Tindakan Ibubapa Penjaga*, Kuala Lumpur: Pemadam, hlm. 5.
- ¹⁹ Umamah al-Edrus, *Op.Cit.*; Abdul Ghafar Taib, *Op.Cit.*; Mohd. Reduan Aslie, *Op.Cit.*
- ²⁰ Umamah al-Edrus, *Ibid*; Abdul Ghafar Taib, *Ibid*; Mohd. Reduan Aslie, *Ibid*.
- ²¹ Ranno Griffith and Brian Pearson, (1988), *Working With Drug User*, New York: Wildhood House, hlm. 28.
- ²² Micheal George Schofield, (1971), *The Strange Case of Pot*, United Kingdom: Penguin Books, hlm. 19; Umamah al-Edrus, *Op.Cit.*, hlm. 10.
- ²³ Mohd Reduan Aslie, *Op.Cit.*, hlm. 111; Abdul Ghafar Taib, *Op.Cit.*, hlm. 19.
- ²⁴ Ranno Griffith and Brian Pearson, *Op. Cit.*, 26; Micheal George Schofield, *Op.Cit.*, hlm. 23.
- ²⁵ Micheal George Schofield, *Ibid*.
- ²⁶ *Kenali Dan Perangi Dadah Hidup Ceria Tanpa Dadah*, (1997), Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, hlm.41.
- ²⁷ Abdul Ghafar Taib, *Op.Cit.*, hlm. 29.
- ²⁸ Umamah al-Edrus, *Op.Cit.*
- ²⁹ *Chasing the Dragon* adalah menghisap dadah dengan membakarnya di atas kertas timah dan kemudian menyedutnya supaya wap gas dadah tersebut dapat dihisap dengan menggunakan straw.
- ³⁰ Abdul Ghafar Taib, *Op.Cit.*
- ³¹ *Ibid.*
- ³² Ranno Griffith and Brian Pearson, *Op.Cit.*, hlm. 31.
- ³³ Drug Abuse Council (Washington D.C.), (1980), *The facts about drug abuse/The Drug Abuse Council*, New York: The Free Press, hlm. 165.
- ³⁴ *Ibid.*

- ³⁶ *Ibid.*
- ³⁷ Ranno Griffith and Brian Pearson, *Op.Cit.*, hlm. 24; Umamah al-Edrus, *Op.Cit.*, hlm. 12.
- ³⁸ *Kenali Dan Perangi Dadah Hidup Ceria Tanpa Dadah*, (1997), Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, hlm. 25.
- ³⁹ *Ibid.*
- ⁴⁰ Ranno Griffith, *Op.Cit.*, 25; Mohd. Reduan Aslie, *Op.Cit.*, hlm. 112.
- ⁴¹ Abdul Hadi Haji Muhammad, *Op. Cit.*, hlm. 5.
- ⁴² Ummah al-Edrus, *Op.Cit.*, hlm. 13.
- ⁴³ Ranno Griffith and Brian Pearson, *Op.Cit.*
- ⁴⁴ *Ibid.*, hlm. 28; Micheal George Schofield, *Op.Cit.*, 22; Umamah al-Edrus, *Op.Cit.*
- ⁴⁵ Ranno Griffith and Brian Pearson, *Op.Cit.*; Micheal George Schofield, *Ibid.*, hlm. 23.
- ⁴⁶ Micheal George Schofield, *Op.Cit.*, hlm. 25; Ranno Griffith and Brian Pearson, *Op.Cit.*, hlm. 30.
- ⁴⁷ Ranno Griffith and Brian Pearson, *Ibid.*, hlm. 27.
- ⁴⁸ *Ibid.*
- ⁴⁹ *Ibid.*, Abdul Ghafar Taib, *Op.Cit.*, hlm. 29.
- ⁵⁰ *Ibid.*
- ⁵¹ Mohd. Reduan Aslie, *Op.Cit.*, hlm. 52.
- ⁵² *Ibid.*, hlm. 56.
- ⁵³ Lihat Jadual 3.1 di dalam bab ini, hlm. 108-118.
- ⁵⁴ *Kenali Dan Perangi Dadah Hidup Ceria Tanpa Dadah*, (1997), Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, hlm. 46.
- ⁵⁵ *Ibid.*
- ⁵⁶ Mohd. Reduan Aslie, *Op.Cit.*, hlm. 63.
- ⁵⁷ *Ibid.*
- ⁵⁸ *Kenali Dan Perangi Dadah Hidup Ceria Tanpa Dadah*, (1997), Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, hlm. 46.
- ⁵⁹ *Ibid.*
- ⁶⁰ Paul J. Godstein, (1981), "Getting Over Economics Alternatives to Predatory Crime among Street Drug Users" dalam *The Drugs-Crime Connection*, James A. Inciardi (ed), London: Sage Publication, hlm. 67.
- ⁶¹ *Ibid.*, hlm. 70-74.
- ⁶² *Ibid.*, hlm. 75.
- ⁶³ Carl D. Chambers, Saraw, Dean and Micheal F. Fletcher, (1990), "Criminal Involvement of Minority Group Addict" dalam *The Drugs-Crime Connection*, James A. Inciardi (ed), London: Sage Publication, hlm. 129; Jan M. Chaiken and Marcia R. Chaiken, (1990), *Drugs and Predatory Crime*, London, hlm. 220.
- ⁶⁴ Carl D. Chambers et.al, *Ibid.*, hlm. 128.
- ⁶⁵ Susan K. Datesman, (1990), *Woman, Crime and Drugs*, London: Sage Publication, hlm. 85.
- ⁶⁶ Carl D. Chambers et.al, *Op.Cit.*, hlm. 125.
- ⁶⁷ *Ibid.*
- ⁶⁸ Bruce D. Johnson, Terry William, Kojo A. Dei and Harry Sanabia, (1990), *Drug Abuse in The Inner City: Impact on Hard-Drug Users and The Community*, New York: Wiley, hlm. 11; Dana E. Hunt, (1990), *Drugs and Consensual Crime*, New York: Wiley, hlm. 160.
- ⁶⁹ Bruce D. Johnson et. al, *Ibid.*, hlm. 35.
- ⁷⁰ *Ibid.*
- ⁷¹ *Ibid.*
- ⁷² *Ibid.*, hlm. 38.
- ⁷³ Dana E. Hunt, *Op.Cit.*, hlm. 191.
- ⁷⁴ Duane C. Mc Bride, (1990), *Drugs and Violence*, London: Sage Publication, hlm. 105.
- ⁷⁵ *Ibid.*
- ⁷⁶ *Akta Dadah Berbahaya, 1952 (Akta 234) & Peraturan-peraturan hingga 15hb Ogos 2000*, *Op.Cit.*, hlm. 37.

⁷⁷ Teuku Iskandar, (1992), *Kamus Dewan*, Sheikh Othman Salim (ed.), (Cetakan ke 2), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1204. Menurut kamus ini, perkataan 'menawarkan' bererti *mengunjukkan supaya dibeli, dipakai, diterima dan lain-lain*.

⁷⁸ Menurut *Akta Dadah Berbahaya, 1952 (Akta 234) & Peraturan-peraturan hingga 15hb Ogos 2000*, perkataan 'dadah berbahaya' membawa maksud sebarang dadah ataupun bahan yang terkandung di dalam Jadual Pertama. Sila lihat lampiran D.

⁷⁹ *Kenali Dan Perangi Dadah Hidup Ceria Tanpa Dadah*, (1997), Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, hlm. 79.

⁸⁰ *Akta Dadah Berbahaya, 1952 (Akta 234) & Peraturan-peraturan hingga 15hb Ogos 2000*, hlm.31.

⁸¹ *Buletin Statistik Dadah*, (1998), Agensi Dadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri, hlm. 19.